



**GEREJA HOLY FAMILY, KAJANG**  
**11, JALAN GEREJA, 43000 KAJANG**  
**Tel: 03-87387404/ 03-87331154**  
<http://www.hfckajang.org.my>  
**email: holyfamily@archkl.org**



Scan for updates

**Waktu Urusan Pejabat Paroki**  
**Isnin - Jumaat - 9.00PG - 5.00PTG**  
**Sabtu - 9.00PG - 1.00PTG**  
**Ahad & Cuti Umum - TUTUP**

**PADERI PAROKI : REV.FR.MICHAEL CHUA**  
**PEMBANTU PADERI : REV.FR.PHILIP CHUA**  
**PEMBANTU PADERI : REV.FR.BONAVENTURE**

**MINISTRI KAMPUS HFK (UNIVERSITI/KOLEJ)**  
**SR. MARGARET PEREIRA RGS**  
[marge.0190705@gmail.com](mailto:marge.0190705@gmail.com)

## **MISA DI PAROKI**

Hari	Tarikh	Masa	Aktiviti	Deskripsi
<b>Sabtu</b>	<b>12 Apr</b>	<b>7.00am 5.15pm 6.00pm</b>	<b>Misa Bah. Inggeris Novena untuk Bonda Penolong Abadi Misa Bah. Inggeris</b>	<b>Liturgi Harian  Misa Persiapan Hari Minggu Palma</b>
<b>Ahad</b>	<b>13 Apr</b>	<b>6.50am 9.20am 11.20am 1.20pm</b>	<b>Misa Bah. Tamil Misa Bah. Inggeris Misa Bah. Mandarin Misa Bah. Malaysia</b>	<b>Hari Minggu Palma Mengenangkan Sengsara Tuhan</b>
<b>Isnin</b>	<b>14 Apr</b>	<b>7.00am</b>	<b>Misa Bah. Inggeris</b>	<b>Isnin Minggu Suci</b>
<b>Selasa</b>	<b>15 Apr</b>	<b>7.00am</b>	<b>Misa Bah. Inggeris</b>	<b>Selasa Minggu Suci</b>
<b>Rabu</b>	<b>16 Apr</b>	<b>7.00am</b>	<b>Misa Bah. Inggeris</b>	<b>Rabu Minggu Suci</b>
<b>Khamis</b>	<b>17 Apr</b>	<b>8.00pm</b>	<b>Misa Komuniti</b>	<b>Khamis Putih</b>
<b>Jumaat</b>	<b>18 Apr</b>	<b>10.30am 1.30pm 4.30pm 7.00pm</b>	<b>Jln Salib disusuli ibadat Bah.Inggeris Jln Salib disusuli ibadat Bah.Tamil Jln Salib disusuli ibadat Bah.Malaysia Jln Salib disusuli ibadat Bah.Inggeris &amp; Mandarin</b>	<b>Jumaat Agung Mengenangkan Sengsara Tuhan</b>
<b>Sabtu</b>	<b>19 Apr</b>	<b>9.00am 6.00pm 10.15pm</b>	<b>Ibadat Harian Misa Vigil Paskah Bah. Tamil/BM Misa Vigil Paskah Bah. Eng/Mandarin</b>	<b>Sabtu Suci Vigil Paskah</b>
<b>Ahad</b>	<b>20 Apr</b>	<b>7.00am 9.30am 11.30am 1.30pm 3.00pm 5.00pm</b>	<b>Misa Bah. Tamil Misa Bah. Inggeris Misa Bah. Mandarin Misa Bah. Malaysia Novena Kerahiman Ilahi Ibadat Doa Berkat (Tiada Misa)</b>	<b>Hari Minggu Paskah Kebangkitan Tuhan</b>

Lilin akan diedarkan oleh  
**Kerasulan Kerahiman Ilahi**  
sebelum Ibadat Vigil Paskah.  
Sumbangan ikhlas dialu-alukan.



### **Malam Belia**

Terbuka kepada semua belia Tingkatan 1 dan ke atas. Menjemput anda untuk menyertai acara Malam Belia yang dipenuhi dengan aktiviti menarik, persahabatan, dan pujian & penyembahan.

**Tema: Kekal Selamat di Dunia Siber**  
**Tarikh: Jumaat, 25<sup>hb</sup> April 2025**  
**Masa: 7: 45mlm – 10mlm**  
**Tempat: Bilik Fr. Henriot**  
Untuk info lanjut sila hubungi  
Sheila : 012-3445790.



# BERITA PAROKI

Dalam usaha kolaboratif, Komiti Zon BEC Cuepacs dan Ministri Pelayanan Orang Miskin HFK merakamkan ucapan terima kasih tak terhingga kepada semua penderma dan sukarelawan atas sumbangan besar anda dalam kempen derma darah yang diadakan di Gereja Holy Family pada hari Ahad, 30 Mac 2025. Sukacita dimaklumkan bahawa kita telah melepassi sasaran Pusat Darah Negara dengan 132 orang yang layak menderma darah. Kami juga merakamkan penghargaan yang mendalam kepada umat Gereja Holy Family, Fr. Michael Chua, Fr. Philip, dan Fr. Bonaventure atas sokongan yang tidak berbelah bahagi. Dedikasi anda sepenuhnya telah memastikan acara ini berlangsung dengan jayanya.

*Heartfelt  
Gratitude*



## Novena Kerahiman Ilahi

Kerasulan Kerahiman Ilahi akan menganjurkan tujuh hari novena bermula pada **20<sup>th</sup> April 2025 hingga 26<sup>th</sup> April 2025.**  
**20 Apr 2025 – 3.00ptg (Gereja)**  
**21 Apr hingga 26 Apr 2025 – 8.00mlm (Chapel)**

### Kawasan Parkir pada Minggu Suci

Sila ambil perhatian bahawa kawasan parkir di perkarangan gereja adalah terhad pada **17<sup>th</sup> April hingga 19<sup>th</sup> April, 2025 (Khamis – Sabtu).**


Tiada tempat letak kereta tersedia di New Era pada tarikh ini. Kami mohon agar anda mempertimbangkan berkongsi kenderaan (carpool) semasa misa Minggu Suci.

Adalah dinasihatkan untuk mengelak meletak kenderaan sembarang di kawasan letak kereta lot kedai, kerana berbuat demikian boleh berpotensi menimbulkan kesusahan kepada pengguna jalan raya lain dan boleh mengakibatkan anda disaman oleh pegawai trafik.



### Hari Berpuasa dan Berpantang (Jumaat Agung)

Peringatan bahawa Jumaat Agung adalah hari berpuasa (semua orang yang berumur antara 18-59 tahun) dan berpantang (semua penganut Katolik yang dibaptis). Puasa memerlukan hanya makan satu hidangan penuh dan dengan dua set makanan yang lebih kecil.



### Catechetical Ministry

Memandangkan semakin ramai kanak-kanak yang menyertai Sekolah Minggu, Ministri Kateketikal sedang mencari lebih ramai Katekis daripada semua bahasa (English, Tamil, Mandarin & Bah. Malaysia) yang boleh membantu memupuk iman Katolik generasi muda. Syarat:

- 20 tahun dan keatas
- Boleh mengendalikan kelas dalam talian melalui Google Meet atau Zoom dan kelas fizikal.
- Mengamalkan ajaran Katolik dengan pengetahuan yang baik tentang iman Katolik



Jika anda berminat sila hubungi penyelaras bahasa masing-masing:

**Angela Ong (Eng) 012-6172059, Sarah Karmila (BM)- 016 -2111363 atau**

**Magdalene Ng (Mandarin) - 012 – 2585343.**

- **TIADA Kelas Sekolah Minggu pada 13/4 dan 20/4 kerana Hari Minggu Palma & Paskah. Kelas bersambung semula pada 27/4.**

### TERIMA KASIH ATAS SUMBANGAN ANDA:

**5/4 & 6/4/2025**

**Pungutan Hujung Minggu:  
RM 16,486.00**

**Pungutan PIHDM  
RM 13,727.00**

